

Polis siasat Muhyiddin didakwa sentuh isu 3R

Chukai: Polis membuka kertas siasatan terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin yang didakwa mengeluarkan kenyataan mem-babitkan 3R (Raja, agama dan bangsa) ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kemaman, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata siasatan terha-

dap Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu dilakukan mengikut Seksyen 4(A) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 kerana mence-tuskan keadaan tidak harmoni.

Bercakap pada sidang media selepas melakukan tinjauan di pusat pengundian Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Mentok di sini semalam, beliau berkata, siasatan itu dijalankan susulan

satu laporan yang dibuat ter-hadap Muhyiddin di sebuah ba-lai polis di sini, Jumaat lalu.

Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU pada satu ceramah perdana di sini, antara lain di-dakwa mengeluarkan 'fatwa' ha-rus untuk ahli UMNO mening-galkan parti itu dan mereka yang berbuat demikian boleh mendapat ganjaran pahala hij-

rah seperti zaman Rasulullah SAW.

Dalam pada itu, Ayob Khan turut mengingatkan semua pe-nyokong parti supaya tidak me-ngadakan sebarang perhimpun-an ataupun perarakan pasca pilihan raya supaya tidak me-nimbulkan gangguan kepada ketenteraman awam.

"Polis akan mengambil lang-

kah sewajarnya dalam memas-tikan keselamatan dan ketente-raman awam semasa pasca pi-lihan raya nanti," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 280 anggota dan pegawai polis akan memantau situasi ketenteraman awam selepas pilihan raya se-hinggalah situasi berada dalam keadaan aman dan harmoni.

BERNAMA